

Penentuan di saat akhir

B. Harian (M)

- 6 MAY 1989

Oleh NOOR JAAFAR

KEJOHANAN Silat Kembangan Kebangsaan dan Jemputan Antarabangsa di Kota Bharu pada 6-8 Julai ini adalah pendedahan terakhir kepada pesilat kebangsaan yang terpilih menyertai Sukan SEA, pada Ogos ini.



Naib Pengerusi Persatuan Silat Terlak Empat Kelantan, Mohd Noor Ibrahim, berkata empat negara lain yang akan menyertai Sukan SEA — Indonesia, Brunei, Thailand dan Singapura — dijangka menyertai kejohanan itu.

Menurut beliau pihaknya meminta kerjasama Persatuan Silat Kebangsaan (Pesaka) untuk membolehkan pesilat-pesilat kebangsaan menyertainya.

Sehubungan itu, enam pelatih Sukan SEA sedang memperhebatkan latihan bagi memastikan mereka terpilih sebagai pesilat kebangsaan, bulan depan.

Mohd Noor yang juga jurulatih silat olahraga, berkata enam pesilat Kelantan yang masih kekal sebagai pelatih kebangsaan itu ialah Azam Haji Abas, Szali Said, Mohd Zain Che Kob, Basri Abdul Rahman Wan Amizah Wan Ahmad dan Wan Adnan Wan Isa.

Katanya, Pesaka akan memilih 15 pesilat untuk Sukan SEA, pada hujung bulan depan.

"Walaupun bulan puasa mereka menjalani latihan setiap malam kerana setiap daripada mereka berazam memperbaiki pencapaian, di samping mencerahkan peluang negara memenangi banyak pingat emas," katanya.